

20/09/1997

Pemimpin Kelantan ketandusan idea

Rintihan Anak Kelantan

TERLEBIH dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pengarang BH kerana sudi menerbitkan surat saya pada 11 Ogos 1997 bertepatan hari pembuangan undi pilihan raya kecil DUN Semerak, Pasir Puteh. Saya tertarik kerana surat saya itu mendapat perhatian seorang anak Kelantan yang sememangnya rasa saya bukan orang Umno.

Nampaknya orang Kelantan semacam saudara Yusri tidak mahu mengaku Kelantan tidak sehaluan dengan negeri lain dalam arus pembangunan yang selama ini dirasakan rakyat di negeri lain di Malaysia.

Walaupun saya menetap di Kuala Lumpur, saya sentiasa mengikuti perkembangan di Kelantan, terutama sejak negeri itu diperintah Pas. Semangat 46 menyertai pentadbiran itu tetapi akhirnya pulang ke pangkuan asalnya, Umno.

Saya akui Kelantan mempunyai banyak rintangan untuk menarik pelabur berpangkalan di sana. Saudara Yusri boleh menyemak semula data pelaburan yang dikeluarkan Miti melalui Mida.

Soalnya, mampukah kerajaan negeri merumuskan satu rencana besar yang boleh membawa perubahan berjadual kepada corak dan arus aliran pembangunan di Kelantan demi kemakmuran bangsa kita yang menetap di Kelantan.

Saya tidak nampak usaha kerajaan pimpinan Pas sedang dan akan menuju ke arah itu. Akibatnya Kelantan terus mengalami penghijrahan rakyatnya ke luar negeri. Saudara Yusri mesti ingat rakyat Kelantan akan ketinggalan zaman jika kerajaan Kelantan tidak mengambil daya usaha bersungguh-sungguh untuk membawa idea baru dalam pentadbiran dan kemajuan negeri Kelantan, demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat negeri itu.

Saudara Yusri juga mesti ingat 96 peratus rakyat Kelantan adalah orang Melayu yang beragama Islam. Di manakah unsur yang boleh diteladani dan disegani kaum lain apabila mereka membuat pengukuran mengenai kedudukan orang Melayu di Kelantan dalam dunia beradaban.

Saudara Yusri boleh gambarkan apa akan berlaku kepada lalu lintas di jalan raya jika Lebuh raya Utara-Selatan serta jalan raya lain tidak diperbaiki dan dibina sehingga sekarang.

Kepada seorang ahli ekonomi, ia akan berkata, kesesakan lalu lintas menyebabkan kenaikan kos barangan pengguna kerana lori terpaksa berada di jalan raya berjam-jam lamanya sebelum sampai ke destinasi.

Produktiviti buruh akan menurun sedangkan gaji naik. Ramai pengguna jalan raya terkandas dan lewat datang bekerja. Beribu-ribu jam sehari akan hangus. Kilang tidak boleh beroperasi dengan licin kerana barang mentah tidak dihantar mengikut jadual. Bahkan kedai runcit pun ketiadaan barangan keperluan harian oleh kerana lori tersangkut di jalan raya.

Jelas pada saya, cara penyelesaian masalah lalu lintas dengan mengenakan tol tidak diterima oleh saudara Yusri. Pada hal alternatif inilah yang membawa kejayaan besar kepada kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Saya khuatir kerajaan Kelantan sekarang bergerak tidak mengikut keutamaan yang diperlukan rakyat, yang membolehkan pemimpin Pas memegang kuasa pemerintahan di Kelantan. Rakyat miskin yang ramai di Kelantan akan hidup tanpa pembelaan.

Niat mereka untuk mengecap kesejahteraan hidup terus menjadi impian kosong manakala pemimpin Pas hidup leka dengan berpolitik di sana-sini untuk meracuni fikiran rakyat.

Sebagai kerajaan yang berasaskan 'Islamic Socialisation' (bukan

sosialisme), pemimpin Pas seharusnya menjadi teladan dalam segala bidang kegiatan ummah agar satu masyarakat baru yang dinamik, berdikari, bermotivasi dan inovatif akan muncul iaitu masyarakat yang bukan saja beriman dan berpegang teguh kepada ajaran Allah serta menjauhi larangannya, tetapi juga masyarakat progresif, berani berdepan dengan segala cabaran hidup moden dan mempunyai daya tahan apabila berdepan dengan segala penyakitnya.

Apakah matlamat itu sudah tercapai atau adakah pemimpin Pas berwawasan seperti itu dan apa pula program bagi mencapainya dalam wawasan itu.

Mengenai masalah pengangkutan awam, saya membangkitkannya sebagai contoh. Masalah itu saya rasa penting dari sudut keselesaan pengguna, lebih-lebih lagi mereka yang kurang berada. Saya lihat mereka menunggu berjam-jam untuk menaiki kereta sewa sebelum dapat pulang ke kampung.

Kita harus berfikir kualiti hidup mesti diambil kira oleh pihak yang bertanggungjawab mengenai kenaikan bermotor. Ini bukan masalah kecil tetapi siapakah dalam kerajaan Pas yang dipertanggungjawabkan menangani masalah itu.

Jika ia tidak menjadi isu besar di Kelantan sudah tentu perancangan mengenainya diabaikan dan tidak dipedulikan. Pada hal kita ketahui peranan infrastruktur penting dari sudut pertumbuhan ekonomi rakyat dan kebajikan mereka.

Soal di manalah pemandu teksi yang tua hendak mencari rezeki untuk menyara hidup adalah soal lain, sungguhpun ia berkaitan dan penting. Jawapannya jika kerajaan negeri mempunyai wawasan dan rancangan komprehensif, soal orang tua pun diambil kira. Adakah mereka perlu bekerja sampai habis umur. Ini soal ekonomi dan perancangan jangka panjang yang bersepadu.

Saudara Yusri sepatutnya faham kebajikan orang tua mesti dirancang dan ia berkait rapat dengan kemajuan ekonomi negeri. Sama jugalah mengenai masalah nasib pengayuh beca roda tiga di Bandar Kota Bharu.

Memang mereka memberi perkhidmatan pengangkutan efektif 40 tahun dulu tetapi kini perkhidmatan mereka tidak sesuai lagi. Oleh itu alternatif yang sesuai mesti dirancang.

Oleh itu, saya harap saudara Yusri jangan memperkecilkan teguran saya terhadap kerajaan yang memerintah Kelantan sekarang. Saya membangkitkan isu serius dan bukan remeh. Cuma saya menyebut beberapa masalah yang nampaknya kecil tetapi besar dalam wawasan pentadbiran sesebuah kerajaan yang sasarannya adalah rakyat biasa yang sentiasa memerlukan pembelaan.